

# Penjawat awam dilarang guna modem capai Internet

S.H 17/06/09 M/S 11

KUALA LUMPUR - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, penjawat awam dilarang menggunakan kemudahan modem untuk membuat capaian terus ke Internet kerana ia melanggar Garis Panduan Mengenai Tatacara Penggunaan Internet dan Mel Elektronik di jabatan dan agensi kerajaan.

"Garis panduan itu yang dikeluarkan pada 2003, adalah sebagai panduan kepada penjawat awam dalam penggunaan Internet, Aktiviti lain yang melanggar tatacara pengguna Internet di pejabat kerajaan termasuk menyediakan, memuat naik, memuat turun dan menyimpan gambar, lagu atau teks yang bercorak penentangan yang boleh membawa keadaan huru-hara dan menakutkan pengguna Internet yang lain," kata Perdana Menteri

menerusi jawapan bertulis kepada soalan Teresa Kok (DAP-Seputeh), semalam.

Beliau berkata, penjawat awam juga dilarang menyalahgunakan kemudahan perbincangan awam secara 'online' seperti 'newsgroup' dan 'bulletin board', menggunakan kemudahan 'chatting', tujuan peribadi dan menjalankan aktiviti komersil dan politik.

Dalam jawapan bertulis kepada Wee Choo Keong (PKR-Wangsa Maju), Najib berkata, Bank Negara sentiasa memantau pematuhan garis panduan kepada pengeluaran kad kredit.

"Sekiranya terdapat ketidakpatuhan, tindakan kepada syarikat kad kredit akan diambil mengikut kuasa yang termaktub dalam Akta Sistem Pembayaran 2003 - Bernama